

31/01/1999

PM jamin terus tegak keadilan

Azizi Othman in Davos

DAVOS: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad memberi jaminan, Malaysia akan terus menegakkan proses keadilan walaupun ia mungkin menjejaskan kredibiliti negara.

Sambil menegaskan tiada siapa boleh dikecualikan daripada kesaksamaan undang-undang, Perdana Menteri berkata pendirian itu diambil kerana Malaysia berpegang kepada proses keadilan perlu ditegakkan atas nama kesaksamaan.

"Proses keadilan mesti diteruskan walaupun ia mungkin menjejaskan kredibiliti negara atau apa sekalipun."

"Kita tidak boleh kata bahawa jika ia memberi kesan kepada ekonomi, maka kita tidak boleh teruskannya. Ia akan menjadi tidak adil kepada orang lain yang melakukan kesalahan yang sama," katanya.

Beliau menjelaskan demikian dalam sesi soal jawab pada jamuan tengah hari anjuran Forum Ekonomi Dunia (WEF) di sini semalam, apabila ditanya sama ada isu keadilan di mahkamah Malaysia kebelakangan ini memberi kesan terhadap minat pelabur dan kegiatan kewangan.

Bagaimanapun, kedua-dua pegawai bank saudagar dari Hong Kong yang bertanyakan soalan itu dan Dr Mahathir sendiri tidak membuat sebarang rujukan khusus terhadap mana-mana kes.

"Mungkin ya, tetapi mungkin juga tidak. Saya rasa ia hanya satu perkara yang biasa berlaku di Malaysia. Jika seseorang melakukan kesalahan di Malaysia, dia akan dihadapkan ke mahkamah dan dibicarakan sewajarnya."

"Kami percaya kepada kesaksamaan undang-undang. Jadi, jika sekalipun ia membabitkan seorang yang berkedudukan tinggi, ia tidak mengecualikannya daripada rangka kerja keadilan," kata Dr Mahathir.

Perdana Menteri berkata, undang-undang akan sentiasa ditegakkan walaupun ia mungkin mendapat banyak tumpuan. Tindakan itu sejajar dengan perkembangan semasa di mana semua orang kini sering bercakap mengenai demokrasi dan kesaksamaan.

Selain itu, katanya, Malaysia juga sanggup bersabar dalam proses menegakkan keadilan kerana sedar bahawa usaha membangunkan negara pun mengambil masa dan terpaksa menempuh pelbagai krisis.

"Berikan cukup masa dan kita yakin ia akan selesai," katanya.

Sementara itu, ketika menjawab soalan mengenai Koridor Raya Multimedia (MSC), Dr Mahathir berkata, kerajaan tetap memberi keutamaan kepada projek itu dan pembangunan bandar raya siber kini rancak berjalan serta menepati jadual.

Sehingga kini, 94 firma sudah diberikan status MSC dan ada antaranya sudahpun berpindah ke lokasi MSC manakala sebahagian yang lain dalam proses perpindahan.

"Begitu juga dengan pendidikan. Malaysia memang sentiasa mengalu-alukan sebarang usaha membangunkan institusi pendidikan tetapi buat masa ini masalah kekurangan dana memaksa ia diperlahankan sedikit."

"Begitupun, sebaik saja mempunyai cukup peruntukan kami akan meneruskan usaha untuk mencapai matlamat menjadikan Malaysia sebagai pusat kecemerlangan pendidikan," katanya.

Mengenai Asean, Perdana Menteri berkata, semua negara masih mempunyai keyakinan penuh terhadapnya terutama apabila ia tidak lama lagi akan menerima kemasukan ahlinya ke-10, Kemboja.

"Begitupun, perlu diakui krisis kewangan yang melanda menjadikan Asean sedikit berbeza dari segi pendekatan tetapi semangatnya masih kukuh dan

kami yakin mampu keluar daripada kemelut semasa dengan lebih gagah,"
katanya.

(END)